

**Warkah Persilaan Ke Pertabalan Yang Di-pertuan Agong Dipersembahkan Kepada Sultan Brunei  
Bernama  
29 Mac, 2012  
Oleh Siti Zubaidah Abdullah**

BANDAR SERI BEGAWAN, 29 Mac (Bernama) -- Sultan Brunei, Sultan Hassanal Bolkiah adalah antara kerabat diraja yang diundang oleh Kerajaan Malaysia untuk menghadiri istiadat pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-14 Tuanku Abdul Halim Mu'adzam Shah di Istana Negara pada 11 April ini.

Warkah Persilaan ke istiadat pertabalan itu dipersembahkan kepada Sultan Brunei di Istana Nurul Iman di sini semalam oleh Menteri Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan Datuk Seri Dr Rais Yatim selaku Pengerusi Jawatankuasa Khas Pertabalan Yang di-Pertuan Agong Ke-14.

Rais diiringi isterinya Datin Seri Masnah Rais bersama delegasi Jawatankuasa Persilaan.

Tuanku Abdul Halim, dilantik sebagai Yang di-Pertuan Agong ke-14 pada 13 Dis lepas, menggantikan Sultan Mizan Zainal Abidin yang tamat tempoh pemerintahan pada 12 Nov 2011.

Terdahulu, Rais serta rombongan diraikan dalam satu majlis makan tengah hari yang dihoskan oleh Menteri Hal Ehwal Luar Negeri dan Perdagangan II Brunei Datuk Seri Lim Jock Seng di sebuah restoran di Jalan Kota Batu di sini.

Bercakap kepada pemberita Malaysia selepas acara menghadap Sultan Brunei itu, Rais berkata hubungan antara Malaysia dan Brunei akan dapat diperkukuhkan lagi menerusi Lawatan Persilaan oleh Sultan Brunei ke Malaysia sempena istiadat pertabalan itu yang melambangkan keakraban institusi diraja kedua-dua negara.

"Apa yang penting kita lihat hubungan antara Malaysia-Brunei kian lama kian erat dan boleh dikatakan hubungan silaturrahim keRajaan antara kedua-dua negara (semakin akrab), selain memberi lunas yang amat teguh kepada dunia diplomasi antara Brunei-Malaysia," katanya.

Beliau berkata lawatan beliau ke Brunei itu khusus bagi menyampaikan Warkah Persilaan kepada Sultan Brunei, yang merupakan antara kenamaan diiraja yang dipersilakan menghadiri istiadat pertabalan itu.

Rais berkata beliau bersama Jawatankuasa Khas Pertabalan termasuk Penyimpan Mohor Besar Raja-Raja Datuk Syed Danial Syed Ahmad dan Timbalan Ketua Setiausaha Kanan Jabatan Perdana Menteri Datuk Othman Mahmood akan berusaha untuk memastikan perjalanan istiadat gilang-gemilang itu kelak berjalan lancar.

Beliau berkata pelbagai acara yang memberi kesan sentuhan diraja yang melambangkan 'Raja dan Rakyat Berpisah Tiada' telah diatur seperti "Pameran Raja Kita" serta program "Raja Bersama Rakyat" termasuk kanak-kanak.

Dalam pada itu, katanya Kementerian Penerangan Komunikasi dan Kebudayaan akan merakamkan setiap segmen pertabalan itu untuk ditonton dan dipelajari oleh semua lapisan masyarakat.

"Lambang dalam acara-acara rasmi ini selain komponen baginda sebagai salah satu mewakili Parlimen Malaysia, (iaitu) yang terdiri daripada Agong, Dewan Rakyat, Dewan Negara, tetapi tidak ramai yang faham tentang segmen ini bagaimana tiga tali sepilin ini menjadi kuasa perundangan, kuasa diraja dan badan kehakiman," katanya.

Pesuruhjaya Tinggi Malaysia ke Brunei Datuk Abdullah Sani Omar turut meraikan Rais dan rombongan dalam satu jamuan makan malam di kediaman rasminya di sini.

Sempena hari pertabalan itu, 11 April nanti diisytiharkan sebagai hari kelepasan am tambahan bagi Malaysia.

--BERNAMA

Hakcipta © 2012 BERNAMA

Source: <http://www.bernama.com/bernama/v6/bm/newsindex.php?id=655656>